



EDISI 1
Jun-Dis
2013

Euforia

Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan



Keraiian Staf
MUKA 16 PTKPI



Nasyid @ 15
MUKA
PTKPI



MUKA
15 Jamuan
Hari Raya Aidilfitri
PTKPI 2013



ISSN 2289-5590



9 772289 559005

PEGAWAI UTAMA UniMAP

Naib Canselor: Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa): Prof. Dato' Dr. Zul Azhar Zahid Jamal

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni): Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan

Pendaftar: Encik Zuber Hj. Mohamad

Bendahari: Puan Saodah Hassan

Pemangku Ketua Pustakawan: Puan Mazmin Mat Akhir

SIDANG REDAKSI PTKPI



DR. HJ. HUZILI HUSSIN
PENASIHAT 1



DR. SHUHAIRIMI ABDULLAH
PENASIHAT 2



SUZANA SULAIMAN
KETUA EDITOR



NUR SALIMAH ALIAS
PENOLONG KETUA EDITOR



NOOR ZEITA OTHMAN
EDITOR



MASTURA MAHAMED
EDITOR



RUHIL AMAL RAZALI
EDITOR



AZIZAH ABDULLAH
EDITOR



MOHD AZRI MOHD NASARUDDIN
EDITOR



EDZAM ARMIN ABDUL RAHIM
EDITOR

WARGA PTKPI

STAF AKADEMIK

Dr. Hj. Huzili Hussin

Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar

Dr. Shuhairimi Abdullah

En. Hassad Hassan

Pn. Siti Norayu Mohd. Basir

Cik Adila Ismail

Cik Suzana Sulaiman

Prof. Dr. Asiah Sarji

Prof. Datin Paduka Dr. Hjh Ramlah Adam

Prof. Dr. Rosnah Ismail

Prof. Dr. Salleh Abd. Rashid

Prof. Madya Dr. Azizan Bahari

Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin

Prof. Madya Razli Ahmad

Dr. Amani Ali

Dr. Hanum Hassan

Dr. Noriah Mohamed

Lt. Abdul Jalil Ramli

En. Nor Azmi Hj. Johari

En. Maskor Bajuri

En. Mohammad Izmer Yusof

En. Edzham Armin Abdul Rahim

En. Mohd Kasturi Nor Abd. Aziz

En. Ruhil Amal Razali

Pn. Junainor Hassan

Pn. Nor Azizah Hitam

Pn. Noormaizatul Akmar Ishak

Cik Zainab Nazar Khalil Wafi

Cik Nur Salimah Alias

Cik Mastura Mohamed

Pn. Azizah Abdullah

Pn. Nor Hudi'in Danu@Dadoo

STAF PENTADBIRAN

Pn. Noor Zeita Othman

Tuan Haji Abdul Shukor Shamsuddin

Pn. Nor Hazliza Ibrahim

Pn. Ropidah Ahmad

Pn. Suriani Ismail

En. Rosman Ramli

Pn. Norain Abdullah

En. Roseffandi Darus

WARGA PTKPI

SLAB

En. Mohd Azri Mohd Nasaruddin
Cik Nur Azila Azahari
Cik Wan Nor Ashiqin Wan Ali
En. Mohd Tajuddin Yahaya
Pn. Noriha Basir

STAF CUTI BELAJAR

En. Syed Zulkarnanin Syed Idrus
En. Ahmad Fahmi Mahmood
En. Mohammad Rezal Hamzah
Pn. Nor'izah Ahmad
Pn. Noor Salwani Hussin

PROFESOR ADJUNG PTKPI

Y.Bhg. Dr. Haji Juanda Haji Jaya
Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
Ybhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal
Dato' Dr. Ismail Alias

PROFESOR PELAWAT PTKPI

Prof. Dr. Abd. Majid Mohd Isa
Dato' Wah Abdul Hamid Idris

Staf yang Dipinjamkan ke Kolej Universiti Islam Perlis

Dr. Mohd Mizan Mohammad Aslam



ISI KANDUNGAN

04 Sekalung bicara, setitis Tinta: Dekan PTKPI

05 Seuntai kata, secangkir bicara: Ketua Editor

Personaliti

06 Personaliti Pilihan Akademik: *Prof Dr Datin Zuraiddah Mohd Zain*

10 Personaliti Pilihan Pentadbiran: *Nurazrina Binti Abd.Rahman*

Aktiviti

13 PTKPI Anjur Bengkel Pemurnian Penawaran Program Baharu I dan II

14 Minggu Suai Kenal Pelajar

14 Penilaian Staf Baru PTKPI

15 Jamuan Hari Raya Aidilfitri PTKPI 2013

15 PTKPI Sertai Pertandingan Nasyid

16 Keraian Staf PTKPI

16 Atlet PTKPI Sertai Tenis Campuran Sukanun

17 PTKPI Anjur Program Solat Jumaat Bersama Masyarakat Di Masjid Padang Katong, Kangar

Penulisan Santai

18 Kerinduanku

18 Info tentang Sahih al-Bukhari

19 Nikah Tahliil

Pencapaian Staf

20 Pencapaian Penyelidikan, Prosiding dan Penerbitan

Umum

24 Apa Kata Pelajar PTKPI?

24 Setinggi tinggi Tahniah!

25 Buku buku Terbaru oleh Azizan Bahari!

28 Trivia Penubuhan PTKPI: *Fakta-fakta menarik sepanjang penubuhan PTKPI.*

SEKALUNG SEKALUNG BICARA, SETITIS TINTA

DEKAN PTKPI



Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia

Syukur di panjatkan dan segala puji ke hadrat ALLAH S.W.T dengan limpah kurnia-Nya Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) berjaya menerbitkan majalah sulungnya. Pantasnya masa berlalu, tanpa kita sedari telah lebih kurang 10 tahun PTKPI ditubuhkan dan pelbagai suka-duka telah ditempuhi.

PTKPI pada awal penubuhannya dikenali sebagai PKKK (Pusat Kemahiran Komunikasi Keusahawanan) iaitu merupakan sebuah pusat yang menempatkan kursus-kursus bukan kejuruteraan di bawah satu bumbung iaitu kursus-kursus wajib, kursus keusahawanan kejuruteraan, ko-kurikulum dan bahasa. Namun begitu seiring dengan perkembangan UniMAP, tiga komponen PKKK (bahasa, keusahawanan dan ko-kurikulum) terpisah menjadi PTJ masing-masing. Tidak keterlaluan untuk saya katakan, bahawa PTKPI merupakan pusat yang memanifestasikan PTJ-PTJ baru kerana telah berjaya melahirkan Pusat Bahasa Antarabangsa, Pusat Ko-Kurikulum dan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan. Sekitar tahun 2011, yang merupakan tahun bersejarah bagi PTKPI kerana pada ketika itulah ia mendapat nama apabila PKKK dijenamakan semula dengan nama baru iaitu PTKPI. Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapan kepada dekan-dekan terdahulu dalam perjuangan mereka memartabatkan dan membangunkan PTKPI .

Menoleh ke belakang, kita sedar bahawa yang tinggal hanya memori dan hanya pengajaran yang dapat kita bawa bersama untuk meneruskan langkah ke hadapan. Kini, PTKPI bukan sahaja menjadi pusat yang menyelaraskan kursus-kursus wajib tapi juga bakal menawarkan program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Selain itu, PTKPI juga sedang mengorak langkah untuk menjadi sebuah pusat pengajian dan sedang menaik taraf kredibiliti PTKPI untuk menjadi sumber kepakaran dalam aspek pembangunan insaniah amnya sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Justeru, saya melihat perlu adanya kewujudan ruang untuk perkongsian agar memori serta pengajaran itu dapat dikongsi bersama dan tidak hanya luput ditelan masa. Biarlah suka duka itu dikongsi, ditatapi dan diambil kira oleh semua orang. Biarlah setiap generasi bukan hanya cakap kosong tetapi mendalamai sendiri suka-duka yang dilalui PTKPI agar ia menjadi ilmu dan pedoman bagi semua insan. Bersesuaian dengan moto UniMAP iaitu *Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan*, maka berbekalkan visi inilah, Majalah Euforia dilahirkan.

Sebagai ketua keluarga PTKPI, saya secara jujurnya melihat Euforia sebagai pengikat hubungan sesama ahli PTKPI itu sendiri selain sebagai ‘buku biodata’ PTKPI bagi warga pembaca luar. Selaras dengan makna yang dibawa Euforia itu sendiri iaitu kegembiraan, diharapkan dengan semangat Euforia keluarga PTKPI sentiasa dilimpahi rasa gembira untuk bekerjasama sebagai satu pasukan.

Sebagai penghias penutup bicara, sekalung ucapan tahniah dan terima kasih saya ucapan kepada warga redaksi Euforia kerana berkat kesungguhan disusuli pula dengan idea yang kreatif serta semangat berpasukan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Harapan saya agar majalah pertama ini akan menjadi satu titik tolak dan pendorong untuk kita semua melakukan tugas yang direncanakan dengan lebih baik lagi. Semoga dengan kelahiran sulung Euforia ini menjadi penutup yang baik untuk tahun 2013 dan merupakan permulaan berimpak bagi membuka tirai tahun 2014.

*Sulur sudah menyingskap cemara,
Puçuknya jangan simpan di peti;
Tamat sudah sekalung bicara,
Yang buruk jangan simpan di hati.*

Sekian, wassalam.

Dr. Hj. Huzili bin Hussin
Dekan,
Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)



SEUNTAI
KATA,

KATA
SECANGKIR

SECANGKIR BICARA

KETUA EDITOR

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmat-Nya majalah sulung Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) yang dinamakan 'Euforia' ini berjaya dihasilkan. Euforia yang membawa pengertian kegembiraan dan keriangan ini diharapkan dapat menjadi santapan minda semua pembacanya.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Yang Berbahagia Dekan PTKPI, Dr. Hj. Huzili Hussin kerana memberikan kepercayaan kepada saya untuk mengetua Sidang Redaksi Euforia. Terima kasih juga buat Dr. Shuhairimi Abdullah selaku Penasihat Euforia dan Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar yang banyak memberi tunjuk ajar dan buah pandangan dalam usaha menerbitkan majalah ini.

Izinkan saya panjangkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Sidang Redaksi atas kegigihan dan komitmen yang diberikan dalam usaha menerbitkan Majalah Euforia. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua yang telah menyumbangkan pelbagai artikel dan pengalaman yang dilahamkan serta disalurkan melalui Euforia.

Majalah Euforia merupakan satu medium untuk semua staf PTKPI menyalurkan pelbagai bentuk idea penulisan seperti sejarah, islamik, sukan, motivasi, kuminikasi, IT, isu-isu semasa dan sebarang pengalaman untuk perkongsian bersama. Ia juga digunakan untuk memaklumkan kepada pihak luar tentang segala aktiviti yang berlaku di PTKPI.

Walaupun pelbagai rintangan dan dugaan ditempuhi dalam penghasilan majalah sulung ini, berbekalkan ketabahan dan kecekalan semua Sidang Redaksi selain sokongan Dekan dan Timbalan-timbalan Dekan, maka rintangan berkenaan berjaya diatasi. Semoga semangat seumpama ini akan terus marak membara pada masa-masa akan datang.

Akhir kata penyimpul bicara, besarlah harapan saya agar Euforia dapat memberikan manfaat untuk semua pembaca melalui perkongsian yang disisipkan. Semoga tahun 2014 akan memberikan kita semangat baru dalam melaksanakan segala yang direncanakan sejurus mengecapi kejayaan dan kebahagiaan.

Berkilau nilam penambat seri,
Sayangnya basah terpalit lada;
Euforia ilham majalah diberi,
Lakaran kisah santapan minda.

Suzana binti Sulaiman

Ketua Editor



PERSONALITI

Prof Datin Dr. Zuraidah Mohd Zain merupakan individu yang paling tepat sekali bagi mengisi ruangan personaliti pilihan akademik sempena keluaran pertama majalah ini. Beliau merupakan dekan pertama Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) yang dahulunya lebih dikenali sebagai Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK). Pengalaman beliau sebagai dekan pertama sedikit sebanyak dapat memberi gambaran besar tentang zaman permulaan PTKPI. Susulan itu, sidang redaksi Euforia mendapatkan pandangan beliau yang kini merupakan penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat) UniMAP.

Ikuti temu bual wartawan Euforia, Mastura Mahamed bersama Prof. Datin Dr. Zuraidah.

S: Boleh ceritakan sedikit tentang latar belakang diri Prof?

J: Saya di lahirkan di Singapura tetapi keluarga berasal dari Negeri Sembilan. Saya berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan, University of Florida dan PhD Pengajian Industri, *University of Liverpool*. Kerjaya saya bermula di *National Semiconductor* yang kemudiannya di kenali sebagai *Fairchild Semiconductor* yang beroperasi di Pulau Pinang sebelum meneruskan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Liverpool. Tamat pengajian saya berkidmat di Universiti Sains Malaysia selama 10 tahun sebelum menyertai UniMAP pada tahun 2002. Saya merupakan ibu kepada tiga cahaya mata yang berumur 24, 20 dan 19 tahun.

S: Pada Tahun berapakah PTKPI mula beroperasi?

J: Fungsi pusat ini telah dimulakan sejak awal penubuhan KUKUM pada tahun 2002 tetapi penubuhan pusat ini secara rasmi adalah pada sekitar separuh kedua tahun 2002. Seperti yang diperkatakan tadi, **secara rasminya adalah sekitar Julai 2002-Feburari 2003** kerana kami perlu menyiap dan membentangkan kertas kerja penubuhan pusat ini kepada jawatan kuasa pengajian tinggi yang pada masa itu dipengerusikan oleh Prof Dato' Dr Hasan Said.

S: Apakah perkhidmatan yang disediakan di PTKPI pada waktu tersebut?

J: Walaupun saya berkhidmat kurang dari dua tahun di PKKK, banyak yang saya telah pelajari terutamanya dari segi penggubalan dasar dan pentadbiran. Kami perlu mengadakan apa yang belum pernah ada, jadi ia merupakan suatu tempoh yang menarik dalam kerjaya saya. Memandangkan kami tiada pengalaman sebelumnya banyak dasar baru yang diperkenalkan. Banyak langkah cuba dan jaya, 'trial and error' dilaksanakan sepanjang perkhidmatan saya disana. Cumanya sekarang kekal satu dasar yang saya masih ingat adalah dasar berkaitan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Apa yang boleh dikatakan di sini ialah **PTKPI telah berkembang dari fungsi asalnya jika dibandingkan ketika saya berkhidmat di sana**.




S: Boleh kongsikan pengetahuan Prof tentang sejarah penubuhan PKKK (sekarang dikenali sebagai PTKPI)?

Idea penubuhan dan kepentingannya

J: Kukum pada peringkat awal penubuhannya hanya menawarkan dua program sahaja iaitu kejuruteraan komputer dan kejuruteraan mikro elektronik. Namun pada masa yg sama, KUKUM mesti menawarkan kursus bukan kejuruteraan seperti kursus wajib universiti yang melibatkan kursus bahasa, TITAS dan ko-kurikulum. Jadi siapa yang akan tawarkan kursus- kursus ini? Itulah permulaan idea yang kita perlu menuhubuhkan satu pusat yang menawar dan menyelaraskan kursus-kursus universiti yang wajib diambil (kursus keperluan universiti). Sebab itu kita tubuhkan PKKK (Pusat Kemahiran Komunikasi Keusahawanan) tapi proses untuk mendapatkan nama yang sesuai ini juga memakan masa mengapa kita ingin menamakan pusat yang baru ini sebagai PKKK. Perkataan Keusahawanan di letakkan di situ sebagai sebahagian komitmen kami mahu melahirkan usahawan dalam kalangan pelajar, iaitu teknologi usahawan di mana pelajar menggunakan pengetahuan mereka dalam bidang kejuruteraan melalui kursus-kursus yang mereka ambil, digunakan untuk mereka menjadi usahawan. Ini bermakna mereka bekerja sendiri. **Kita tak nak para pelajar mempunyai mentaliti makan gaji. 'Not even in the private sector'**. Kalau boleh kita mahukan majoriti graduan yang kita hasilkan menjadi usahawan (*self employed*). Itu adalah salah satu ciri yang kerajaan mahu kita (KUKUM) lahirkan graduan yang sedemikian rupa. Salah satu ciri yang membezakan KUKUM dengan universiti konvensional lain pada waktu itu adalah pendekatan '*hands on*' yang menekankan aspek praktikal dan kecenderungan dalam bidang keusahawanan. Jadi para pelajar boleh bergelar usahawan selepas bergraduasi. Itulah sebab kami meletakkan kursus keusahawanan di bawah seliaan pusat ini bersama kursus wajib lain. Jadi pada waktu itu pusat ini menawarkan kursus-kursus bahasa, komunikasi, pembangunan sahsiah (sebelum kemahiran insanah digunakan secara meluas). Itulah dia, idea penubuhan pusat ini datang dari keperluan untuk sebuah pusat yang menyelaraskan penawaran kursus bukan akademik. Perkara ini penting kerana ia merupakan satu syarat wajib bergraduat dan pusat inilah yang bertanggungjawab menyelaraskan kursus-kursus ini.

PILIHAN AKADEMIK

Oleh: Mastura Mahamed



S: Bagaimana pula dengan skop penubuhan PTKPI pada masa itu?

J: Seperti yang diperkatakan tadi, pusat ini menawarkan dan menyelaraskan kursus-kursus wajib, kursus keusahawanan kejuruteraan, ko-kurikulum dan bahasa. Fungsi memenuhi keperluan dan perlahan-perlahan kita dapat melihat peningkatan. Ketiga-tiga komponen yakni keusahawanan, ko-kurikulum dan bahasa asalnya adalah sebahagian daripada PKKK sebelum komponen-komponen ini menjadi Pusat Tanggung jawab (PTj) masing-masing. Sekarang apa yang dapat dilihat adalah evolusi dan pengembangan fungsi juga peranan komponen-komponen ini dengan bukti yang kita dapat lihat sekarang. Memang nampak kedinamikannya. *To me its an evolution that happens over time.*

S: Adakah PTKPI berkesan menekankan aspek pembangunan insan dalam UniMAP pada ketika itu?

J: Dahulunya ia lebih dikenali sebagai pembangunan sahsiah. Pada ketika itu istilah kemahiran insaniah masih kurang digunakan. Kami juga banyak menerapkan nilai-nilai patriotik kerana Naib Canselor UniMAP kita adalah seorang yang sangat patriotik. Selain itu, penekanan terhadap komunikasi contohnya kita menawarkan kursus bahasa tetapi penekanan kita adalah terhadap fungsi komunikasi dalam bahasa-bahasa tersebut. Aspek komunikasi itu sendiri bukan hanya merangkumi komunikasi bersemuka, yang '*new media*' atau media baharu itu juga adalah sebagiannya. Kita perlu menggunakan media baharu dalam komunikasi selain mengetahui elemen dalam komunikasi. Contohnya '*noise*' atau gangguan dalam proses komunikasi dan cara-cara untuk mengatasi halangan-halangan tersebut dalam mencapai komunikasi yang efektif. Platform untuk media baharu itu kita menggunakan ICT. Lantas wujudlah kursus gabungan komunikasi dan ICT tersebut (Kemahiran Komunikasi dan Teknologi Maklumat – UUT122). Sebenarnya agak lama kami bergelut dengan idea bagaimana kita dapat berkomunikasi melalui teknologi, *at that time it was known as ICT*. Sekarang mungkin ia adalah media baharu dengan pengenalan tambahan beberapa elemen baru. Tetapi memang masih bertepatan dengan idea asal menggabungkan komunikasi dan ICT. Media baharu adalah satu istilah yang baru diperkenalkan. Mungkin jika istilah itu telah wujud waktu itu, pada pendapat saya ia akan dikenali sebagai media baharu. Pada waktu itu sebenarnya agak sukar mengukur keberkesanannya kerana semuanya masih berada pada peringkat percubaan dan permulaan, tetapi dari segi perlaksanaanya pada waktu itu boleh dianggap berjaya dalam memenuhi jangkaan pada masa tersebut. Malah sampai sekarang pun kita masih tercari-cari '*the best way how to measure the outcome*', *its accumulative*. Banyak parameter yang perlu diambil kira.


S: Jadi, boleh dikatakan pusat ini berperanan sebagai 'Service Provider'?

J: PKKK memang asalnya ditubuhkan sebagai *service provider*. Permulaannya sangat asas untuk memenuhi keperluan tetapi perlahan-lahan ia melebarkan sayap sebagai pusat pengajian. Dulu kita cuma menawarkan kursus wajib. Kita ambil PPIPT sebagai contoh yang baik, asalnya lahir daripada kursus keusahawanan kejuruteraan. Dari situ ia berkembang menjadi program perniagaan antarabangsa dan keusahawanan kejuruteraan. Kita mendapatkan kepakaran luar dan melebarkan sayap. Pada asalnya memang *service provider* tetapi kini kita lihat sendiri hasilnya bagaimana ia berkembang dengan pesat walau dalam peringkat awal kita masih terikat dengan fungsi KUKUM sebagai universiti kejuruteraan.

S: Apakah pembaharuan yang dilaksanakan?

J: Pembaharuan yang dilaksanakan sangat banyak kerana seperti yang diperkatakan tadi perlu mengadakan yang belum pernah ada. Jadi memang banyak dasar yang diperkenalkan pada waktu itu. Ia merupakan sesuatu yang menarik sepanjang perjalanan kerjaya saya. Sekarang kita boleh nampak evolusi yang pada awalnya lahir dari sebuah permulaan dan ini adalah hasil kerjasama semua pihak yang telah membina PTKKK dahulu dan kini PTKPI. Lagi pembaharuan dapat dilihat dari segi nama dan PTj-PTj yang lahir daripada PKKK. Itu sendiri merupakan manifestasi pembaharuan yang berlaku.





PERSONALITI

S: Antara cabaran-cabaran yang dihadapi dalam proses tersebut?

J: Cabaran datang dalam mewujudkan sesuatu yang belum pernah ada kepada ada. Kami tidak mempunyai sebarang *template* mahupun pengalaman dalam mengendalikan hal-hal berkaitan. Jadi kita banyak bertanya universiti lain bagaimana kaedahnya. Adakalanya kami hanya sekadar mencuba idea-idea baru. Kadang-kadang *trial and error* apa yang kami fikirkan baik memandangkan kami memang tiada pengalaman, kemudian dari situ kami akan cuba membuat penambahbaikan.

Selain itu cabaran untuk mengekalkan kakitangan yang bagus kerana semua orang akan memikirkan aspek kemajuan dalam kerjaya. Sebagai contoh sekiranya anda ingin menjadi seorang professor anda perlu mempunyai pelajar anda sendiri. Kakitangan PKKK pada waktu itu merasakan yang mereka kakitangan akademik kelas kedua, atas faktor tiada penawaran program. Maka pilihan para plajar akan kekal di dalam bidang kejuruteraan. Jadi ahamdulillah dan syukur PTKPI kini mempunyai program sendiri. Staf akademik kini boleh melihat kerjaya mereka berkembang di sini untuk jangka masa panjang dan bukan sebaliknya.

Cabaran lain pada waktu itu adalah untuk mendapatkan pensyarah yang bagus sangat susah kerana tiada apa yang dapat ditawarkan kepada mereka sebagai jaminan kerjaya. Pada masa itu kita tiada program. Tambahan pula dengan kedudukan Kangar sebagai bandar yang kecil saiznya dan jaraknya yang jauh. Saya rasa sekarang keadaanya semakin baik kerana UniMAP mempunyai kelompok komuniti sendiri. Lagi satu cabarannya pada waktu itu ialah UniMAP masih baru dan belum mempunyai nama. Memang ia merupakan satu cabaran besar apabila ketika itu kita kurang dikenali, bukan saja untuk PKKK tetapi juga UniMAP secara keseluruhannya.

S: Apa yang dilakukan bagi mengatasi cabaran tersebut?

J: Kaedah mengatasi adalah dari segi promosi terutamanya melalui bidang sukan dan kebudayaan. Sekiranya kita hanya menumpukan kepada bidang penyelidikan dan akademik sebagai *platform* promosi, ia akan mengambil masa yang lama. *We tried to build a name not necessarily through research, but after 10 years we have certainly build a name for ourselves through research.*

S: Apakah pengalaman menarik/ berharga yang Prof lalu sepanjang berkhidmat di PKKK?

J: Yang menarik bagi saya ialah apabila semuanya serba baru. *There are no rules. You set the rules and you change the rules as you go along.* Macam sekarang apa-apa yang ingin kita lakukan pun sudah ada prosedur tertentu dan kita mesti mengikuti walaupun ada ketikanya mungkin kita tidak bersetuju. Jadi semuanya manarik dan berharga termasuk pengalaman berpejabat di dalam treler. Misalnya dahulu jika saya perlu pergi ke *conference* atau mesyuarat pada waktu pagi dan hanya akan masuk ke pejabat pada waktu petang, saya perlu membawa komputer saya bagi mengelakkan ia menjadi terlalu panas kerana pada masa itu jika penghawa dingin tidak terpasang bilik tersebut akan menjadi terlalu panas dan akan memudaratkan komputer, ditambah dengan ruang yang sempit. Tidaklah semestinya pahit tapi setiap satunya merupakan pengalaman yang manarik buat saya.

Satu lagi pengalaman berharga adalah apabila saya berada di PKKK warganya terdiri daripada individu yang daripada pelbagai latar belakang dan kelulusan. Malah saya datang ke UniMAP pada ketika itu KUKUM berdasarkan kelulusan saya sebagai jurutera tetapi saya perlu berkerjasama dengan kakitangan dari latar belakang Ko-Kurikulum, psikologi, bahasa dan pelbagai lagi dan pada masa itu. Banyak prosedur seperti borang HEA 01 sebagai contoh, pada masa itu kami masih lagi membangunkan borang tersebut. Saya mendapat agak sukar untuk melaksanakan HEA 01 terutamanya untuk mendapatkan kerjasama semua orang untuk mengisi borang tersebut. Mereka yang datang dari universiti yang lain belum pernah mengisi borang sedemikian. Jadi itulah salah satu cabaran terbesar selain ada kalanya cabaran datang apabila terdapat keperluan untuk mencapai persetujuan bersama memandangkan setiap bidang mempunyai corak pemikiran (*school of thought*) yang tersendiri dan saya rasa sampai sekarang pun aspek ini kekal menjadi aspek yang mencabar untuk mencapainya. Satu perkara yang saya belajar dari situasi ini adalah untuk bersetuju untuk tidak sependapat (*agree to disagree*).

PILIHAN AKADEMIK

Oleh: Mastura Mahamed

S: Boleh kongsikan apa yang Prof jangkakan pada masa tersebut dan masa kini?

J: Oleh kerana jangkaan pada masa itu adalah terhad kepada fungsi mengisi keperluan bagi kursus wajib, perlaksanaanya itu adalah cabaran dan juga jangkaannya. Jadi keseluruhan jangkaan pada masa tersebut tercapailah tapi pada masa kini tentulah jangkaanya berbeza kerana cabarannya lebih besar dan hebat kerana PTKPI mahu mengorak langkah lebih jauh lagi dengan program baru. Profil pelajar pada masa kini juga sudah jauh berbeza. Apa yang saya pasti pihak pengurusan yang sekarang telah dan akan terus melakukan yang terbaik dalam mengurus tadbir jangkaan pada masa akan datang.

S: Boleh Prof berikan sedikit idea untuk penambahbaikan PTKPI dan nasihat kepada warga PTKPI?

J: Saya rasa saya bukanlah orang yang sesuai untuk ditanyakan mengenai penambahbaikan untuk PTKPI memandangkan saya tidak lagi berkhidmat di sana. Buat masa ini saya tiada komen untuk perkara ini.

S: Mungkin Prof boleh berikan sebarang nasihat kepada warga PTKPI (yang baru khasnya)

J: Saya rasa walaupun kita tawarkan program baru, kita jangan lupa yang universiti ini ditubuhkan untuk menyahut dan mengisi kekosongan yang wujud dalam bidang kejuruteraan khususnya kejuruteraan elektronik. Jadi pada pendapat saya, dalam apa jua yang dilaksanakan kita perlu melihat bagaimana kita boleh mengaitkan ia kepada bidang kejuruteraan. Sebagai contoh kajian berkaitan kewartawanan atas talian (*online journalism*) bagaimanakah kita dapat mengaitkannya dengan bidang kejuruteraan. Bagaimanakah ia dapat memberi manfaat kepada bidang kejuruteraan? Itu adalah asal usul kita. Melainkan kalau terdapat polisi baru yang secara eksklusif membolehkan kita menyimpang dari asal usul tetapi buat masa sekarang kita masih berpegang kepada asal usul tersebut. Jadi walau apa pun yang kita lakukan kita perlu mengaitkannya dengan bidang kejuruteraan. Itu lah caranya untuk kita menepati tujuan penubuhan UniMAP. Kadang-kadang kita lupa, walhal institusi ini baru terbentuk sedekad lalu tapi kadang-kadang mungkin kita lupa tujuan asal kita. Apabila berada di dalam kelas, mata pelajaran Hubungan Etnik sebagai contoh, kita perlu mendapatkan contoh yang menggambarkan situasi hubungan etnik di dalam industri kejuruteraan sebanyak yang mungkin kerana sebenarnya itulah matlamat kita. Kita mahu menjadi pelengkap kepada komuniti kejuruteraan.

S: Apakah pendapat Prof berkenaan penawaran program baharu?

J: Pada saya ini adalah sebuah *milestone* pencapaian yang sangat boleh dibanggakan kerana semasa kita mulakan pusat ini dulu pun sebenarnya kita masih terikat kepada KUKUM, sebuah universiti kejuruteraan. Waktu kita mahu menawarkan program perniagaan antarabangsa dan keusahawanan kejuruteraan pun tidak mudah untuk kita mendapatkan kelulusan daripada KPT kerana **semasa awal penubuhan KUKUM tiada klausa yang menyatakan kita boleh menawarkan program bukan kejuruteraan dan penubuhan kita khusus kepada bidang elektronik dan elektrikal**. Semua ini bukanlah mudah. Kita perlu membuat kertas kerja dan cuba menyakinkan ramai orang. Jadi saya rasa penawaran program baru ini adalah suatu pencapaian yang perlu dibanggakan. Untuk kali pertama dalam masa sedekad. Pada pendapat saya sebenarnya program baru ini tidak lari daripada teras penubuhan pusat ini dari dahulu lagi. Cuma dahulu kita cuma tawarkan kursus (gabungan komunikasi dan ICT) kini kita akan tawarkan pula program. Mengenai bidang keusahawanan sosial pula saya berharap ia akan diluluskan kerana ia masih bertepatan dengan falsafah KUKUM yang mementingkan khidmat kepada masyarakat.

S: Pada pandangan Prof, adakah PTKPI bersedia untuk menubuhkan pusat pengajian?

J: Rasanya PTKPI telah pun bersedia sejak lama dulu. Mengapa saya kata begitu? kerana sebelum ini pun sudah ada PTj-PTj yang wujud daripada PKKK. Jadi sebenarnya menjadi pusat pengajian penuh ini bukanlah sesuatu yang baru. **You have done it already**. Jadi anda sebenarnya mempunyai banyak pengalaman dan sudah arif dalam perkara ini. Saya tidak risau akan kemampuan PTKPI untuk menjadi sebuah pusat pengajaran penuh. PKKK secara kolektif telah melakukan proses ini berulang kali jadi saya yakin anda akan dapat melakukannya. Tetapi apa yang lebih penting disini adalah PTKPI perlu mengambil iktibar dan belajar dari setiap kesilapan dan masalah yang timbul semasa penubuhan PPIPT, Pusat Ko-Kurikulum dan Pusat Bahasa Antarabangsa. Saya pasti terdapat isu-isu berbangkit seperti isu sumber manusia dan isu-isu lain yang berkaitan. *It's worth to look at these issues*. Sama ada anda akan berhadapan isu yang serupa ataupun juga akan terdapat isu yang bakal anda hadapi pada masa akan datang, anda pernah mengalaminya sebelum ini. *It will be a new problem but it is the same type of problem actually*.

~~~~~Tamat~~~~~

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datin Prof. Dr. Zuraidah Mohd Zain di atas kesudian beliau memberikan kerjasama dan buah fikiran dalam menjayakan sesi temubual ini. Segala perkongsian daripada beliau amat dihargai dan akan dijadikan rujukan bagi memajukan PTKPI. Sesi temubual ini telah dijalankan pada 25 Oktober 2013, jam 3:00 petang bertempat di Pejabat Penolong Naib Canselor, Bangunan KWSP.

# PERSONALITI

Nurazrina Abd. Rahman atau lebih senang dipanggil dengan gelaran Ina merupakan nama yang cukup dikenali dalam kalangan generasi awal penubuhan PTKPI. Beliau merupakan pegawai tadbir pertama Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK). Sebuah organisasi tidak dapat berdiri teguh tanpa kumpulan sokongan dan pentadbiran yang mapan. Oleh itu, kejayaan PTKPI sehingga ke tahap ini adalah sedikit sebanyak merupakan hasil dari cambahan biji benih kumpulan sokongan pada awal penubuhan PTKPI maka Puan Nurazrina merupakan individu yang paling tepat sekali bagi mengisi ruangan personaliti pilihan bukan akademik sempena keluaran pertama majalah ini.

Susulan itu, sidang redaksi Euforia mendapatkan pandangan beliau yang kini merupakan Pegawai Tadbir Pejabat Majlis Profesor UniMAP.

Ikuti temu bual wartawan Euforia, Noor Zeita Othman bersama Puan Nurazrina

**S: Boleh ceritakan sedikit tentang latar belakang diri Puan?**

J: Boleh, saya Nurazrina Abd.Rahman dilahirkan pada 24 Januari 1978 di Beseri, Perlis. Menyambung pelajaran sarjana muda di Universiti Teknologi Mara (UITM) Shah Alam dalam bidang Komunikasi Massa (Penyiaran). Saya pernah bekerja di Pejabat Menteri Besar Perlis, pernah menjadi pegawai tadbir di Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI). Dan yang terkini, saya berkhidmat di sebagai pegawai tadbir Pejabat Majlis Profesor di Jabatan Pendaftar (Unit Senat). Antara anugerah yang pernah diperolehi disini adalah Anugerah Khidmat Cemerlang UniMAP 2004. Matlamat hidup saya "Kita sentiasa ada pilihan, apa yang berlaku dalam kehidupan kita adalah pilihan kita namun yang pastinya perancangan Allah adalah yang terbaik untuk kita. Oleh itu sentiasalah memilih yang terbaik dan bersyukur dengan setiap kurniannya setelah puas berusaha memilih yang terbaik."

**S: Bagaimanakah pengalaman di awal permulaan Puan bekerja di PKKK?**

J: Sebenarnya Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) begitu dekat di hati saya. Perjalanan kerjaya saya bermula di PKKK, seorang graduan yang baru menamatkan pengajian tanpa pengalaman sebagai bekalan diberikan tanggungjawab untuk membantu membangunkan sebuah pusat pemantapan akademik yang menawarkan kursus-kursus bahasa dan kursus wajib universiti termasuk kurikulum. Begitu besar sekali harapan yang diberikan, sebesar itu jugalah keinginan dan harapan yang ada dihati saya untuk belajar dan pada masa yang sama bekerja bagi memenuhi kehendak pengurusan tertinggi UniMAP (pada ketika itu dikenali sebagai KUKUM (Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia).

Bersama Dr Zuraidah Mohd Zain [sekarang Datin Prof. Dr Zuraidah Mohd Zain] Dekan pertama di PKKK dan seorang staf sebagai pembantu iaitu Pn Noor Rastina Johari kami bertungkus lumus membangunkan dasar-dasar dan segala dokumen mengikut keperluan. Tiada istilah tidak sempat atau tidak tahu segalanya perlu pantas, ringan mulut bertanya dan ringan tulang bekerja. Berstatus sambilan sekadar bergaji hari tidak pernah menjadi kayu pengukur untuk kami bekerja sebagai satu pasukan, mencari jalan penyelesaian kepada setiap masalah. Rasa syukur dapat berkhidmat di negeri kelahiran menjadi penguat semangat tambahan pula masih ramai rakan-rakan diluar sana masih lagi berstatus penganggur.



# PILIHAN PENTADBIRAN

Oleh: Noor Zeita Binti Othman

## S: Apakah perasaan Puan sebagai sebahagian generasi terawal yang meneraju PKKK?

J: Sebagai Pegawai Tadbir yang pertama di PKKK tidak dapat dinafikan rasa kepunyaan saya kepada PKKK begitu kuat sekali. Ditambah pula dengan keizinan Allah, saya dianugerahkan dengan staf-staf yang amat serasi dengan saya, Pn Noor Rastina Johari, En Rosman Ramli, En Rossefandi Darus, Pn Norhazliza Ibrahim dan Pn Norain Abdullah. Mereka bukan sekadar staf saya di PKKK tetapi juga sahabat ibarat keluarga yang berkongsi suka dan duka bersama. Hanya ALLAH yang mampu membala segala jasa mereka. Tidak lupa kepada pensyarah-pensyarah dan guru-guru bahasa yang juga begitu rapat dengan kami, bekerjasama terutama ketika mengendalikan sesuatu program yang diamanahkan tidak mungkin saya lupakan. Bekerja sebagai satu pasukan umpama satu keluarga besar yang saling memerlukan antara satu sama lain.

Sepanjang 8 tahun bersama PKKK dan merasai pengalaman bersama 6 orang Dekan adalah pengalaman yang begitu berharga. Bersyukur kehadrat Ilahi. Prof Dr. Zuraidah Mohd Zain, Dekan pertama yang amat mementingkan kualiti dan ketepatan masa. Prof. Madya Dr. Zaliman Sauli, Dekan kedua yang mesra dan memberikan kepercayaan kepada setiap staf dalam setiap tanggungjawab yang diamanahkan. Prof Madya Ku Halim Ku Ariffin Dekan ketiga yang amat berpengalaman dalam bidang pentadbiran dan tidak lokek berkongsi ilmu. Dr. Hj Huzili Hussin Dekan keempat yang sentiasa lengkap dengan strateginya dalam mengendalikan masalah. Prof Madya Dr. Hazry Desa Dekan kelima yang bergelumang dengan ketepatan datanya dan akhir sekali bersama Prof Dr. Salleh Abd Rashid Dekan keenam yang mementingkan ketulusan dan bekerja ibarat satu keluarga.

Saya amat merindui suasana kerja di PKKK suatu ketika dahulu, mungkin kerana budaya kerja yang dibina bermula dengan kemudahan yang amat minima mendidik kami supaya sentiasa bekerjasama dan memaksimumkan kekuatan yang ada pada setiap individu untuk menghasilkan yang terbaik. Setiap Dekan yang diamanahkan untuk mentadbir PKKK mempunyai cara dan corak pentadbiran berbeza, manakala kami sebagai staf sokongan perlu peka dan pandai menyesuaikan diri.

## S: Boleh ceritakan pengalaman dan cabaran pentadbiran Puan sepanjang bekerja di PKKK?

J: Pada awal penubuhan PKKK dahulu, ia berkembang selari dengan dasar UniMAP bagi memenuhi kehendak Kementerian Pengajian Tinggi. Ketika peringkat awal penubuhan PKKK kursus-kursus yang bukan kejuruteraan dan guna sama semua pusat pengajian iaitu kursus bahasa, kursus wajib universiti, kursus teras (Matematik Kejuruteraan dan Komunikasi serta Teknologi Maklumat) termasuk kokurikulum ditawarkan oleh PKKK. Pernah satu ketika PKKK menawarkan lebih 50 kursus dengan pelajar berdaftar melebihi 3000 orang tidak termasuk jumlah staf akademik yang ramai dari latar belakang bidang yang berbeza. Ketika Mesyuarat Majlis Pemeriksa (MPP) peringkat universiti, Dekan yang paling banyak fail di depannya sudah pasti Dekan PKKK. Suasana tegang sepanjang minggu peperiksaan menjadi memori indah untuk dikenang. Pelbagai strategi saya gunakan untuk memastikan setiap pensyarah dan guru bahasa menepati tarikh-tarikh penting sepanjang minggu peperiksaan. Almaklumlah setiap manusia punya cara dan pendekatan berbeza dan alhamdulilah PKKK tidak pernah gagal menghantar minit mesyuarat sebelum tarikh akhir, semuanya dengan izin ALLAH dan kerjasama semua pihak.

PKKK mula mengalami evolusinya apabila tertubuhnya Unit Matematik Kejuruteraan dan Unit Kokurikulum dan Badan Beruniform tetapi masih dibawah seliaan Dekan PKKK. Cabaran dalam mengendalikan kewangan yang besar begitu terasa, kerana kedua-dua unit ini sedang dalam proses persediaan kepada penubuhan pusat tanggungjawab yang baru bagi memenuhi keperluan bilangan pelajar yang semakin bertambah. Biarpun mempunyai staf pentadbiran dan pegawai masing-masing namun urusan kewangan masih diletakkan di bawah bidang tugas saya kerana peruntukan kewangan tidak dipecahkan mengikut unit. Pembelian menerusi tender merupakan pengalaman baru kepada saya, rumitnya proses pembelian dalam kuantiti yang banyak dan terima kasih kepada staf Bendahari yang senang bekerjasama menjawab setiap persoalan mungkin remeh bagi mereka tapi susah bagi saya.

# PERSONALITI

## PILIHAN PENTADBIRAN

Oleh: Noor Zeita Binti Othman

Tertubuhnya Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) merupakan langkah mula bagi memperkemaskan dan menambahkan fungsi pusat pemantapan akademik diikuti oleh Pusat Ko-kurikulum dan Badan Beruniform. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa pihak pengurusan tertinggi tidak memandang sebelah mata kepada kepentingan pusat pemantapan akademik untuk sama-sama berganding bahu memartabatkan UniMAP. Penubuhan Institut Matematik Kejuruteraan juga memberi peluang peningkatan kerjaya kepada tenaga pengajarnya.

Selari dengan penjenamaan semula KUKUM kepada UniMAP maka pihak universiti perlu menawarkan program pengajian selain daripada Kejuruteraan. Untuk sekian kalinya PKKK diberi tanggungjawab untuk membangunkan program Pengajian Sarjana Muda Perniagaan Keusahawanan dan Program Pengajian Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa. Masih segar diingatan saya, Pn. Tunku Salha yang merupakan Timbalan Dekan ketika itu bertungkus lumus membangunkan kertas kerja untuk dimajukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dibantu Dr. Haji Huzili Hussin yang ketika itu Dekan PKKK. Saya juga tidak terlepas merasai panasnya situasi ketika itu, bantuan yang boleh saya hulurkan terasa begitu kecil bila dibandingkan dengan kegigihan Pn Tunku Salha.

Setelah program pengajian diluluskan, berubahlah fungsi PKKK, separuh sebagai pusat pemantapan akademik separuh lagi sebagai pusat pengajian. Diterajui oleh Prof. Madya Dr. Hazry Desa, PKKK telah menerima pelajar sulungnya dalam bidang perniagaan. Ketika menerima pendaftaran pelajar yang pertama, bantuan sepenuhnya diterima daripada pensyarah-pensyarah dan guru bahasa yang sedia ada memandangkan tenaga pengajar untuk program ini baru tiga (3) orang yang mendaftar, manakala staf pentadbiran bermula dengan Pegawai Tadbir yang hadir pada hari kedua. Boleh dikatakan tiada istilah minggu orientasi, lapor diri terus kerja. Tahniah kepada Pn. Ruhaida yang membuktikan keupayaan dan semangat yang kental. Rasanya lama jugalah kami berkongsi bilik dan ruang bekerja memandangkan kami tidak mendapat ruang pejabat yang lebih luas biarpun staf semakin bertambah.

**S: Apakah perasaan Puan ketika perlu meninggalkan PKKK apabila ditukarkan ke PTJ lain?**

J: Pada tahun 2011 ketika dalam cuti bersalin anak ketiga, saya menerima surat pertukaran jabatan yang pertama setelah berkhidmat hampir 9 tahun di PKKK. Pelbagai rasa berkecamuk dalam hati saya ketika itu, sedih meninggalkan PKKK dan rakan-rakan yang bagaikan keluarga sendiri dan rasa teruja untuk merasai pengalaman suasana kerja yang berbeza silih berganti. Namun hakikatnya PKKK bukan milik saya, akur dengan kehendak pengurusan tertinggi dan yakin dengan pengalaman yang ada saya telah memulakan tugas di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan kemudian menjadi Pegawai Tadbir pertama di Pejabat Majlis Profesor dan seterusnya kini saya berkhidmat di Unit Senat, Jabatan Pendaftar.

**S: Sebelum menamatkan bicara, apakah kata-kata terakhir Puan kepada PTKPI?**

J: Alhamdulillah, biarpun tidak berada bersama PKKK namun jauh di sudut hati saya PKKK yang kini dikenali sebagai Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan tetap berada dekat di hati saya.

Secara peribadi saya amat menyokong langkah PTKPI menerbitkan majalah sendiri, usaha ini pastinya akan mendekatkan lagi warga UniMAP dan masyarakat dengan segala aktiviti dan kepakaran PTKPI. Semoga usaha warga PTKPI untuk berkongsi ilmu dan aktiviti ini mendapat keredhaan dari ALLAH dan selamat maju jaya.



~~~~~Tamat~~~~~

Kami ingin merakamkan setinggi- tinggi penghargaan kepada Puan Nurazrina Abd. Rahman diatas kesudian beliau memberikan kerjasama dan berkongsi pengalaman dalam sesi temubual ini. Setiap perkongsian daripada beliau amat dihargai dan sangat bermakna buat PTKPI. Sesi temubual ini telah dijalankan pada 21 Oktober 2013, jam 2:00 petang bertempat di Unit Senat, Jabatan Pendaftar, Bangunan KWSP.

BENGKEL PEMURNIAN

PENAWARAN PROGRAM BAHARU I

Oleh: Siti Norayu Mohd Basir

Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Penawaran Program Baharu I pada 28 Julai 2013 dan Bengkel Pemurnian Penawaran Program Baru II pada 30 Julai 2013. Kedua-dua bengkel ini diadakan di Bilik Mesyuarat Blok A PTKPI. Seramai 15 orang staf akademik menghadiri bengkel pertama dan 16 orang menghadiri bengkel kedua. Bengkel pemurniaan tersebut merupakan satu platform rasmi dalam melihat dan menambah baik dua penawaran program baharu di bawah PTKPI untuk di bawa ke pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Antara tujuan bengkel ini diadakan sebagai menyahut dan membantu universiti dalam usaha membentangkan semula penawaran dua program baharu iaitu Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Sosial (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Kepujian).

Selain itu, objektif bengkel tersebut adalah untuk menghasilkan dan menambah baik rumusan eksekutif bagi dua program baharu berkenaan dalam bidang Sains Sosial. Ia juga dapat menghasilkan dan menambah baik pembentangan dua program baharu itu di samping menyediakan satu kajian pasaran yang lebih komprehensif selari dengan kemahuan KPT.

Pada dasarnya, Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Sosial (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Kepujian) telah melalui pembentangan kali pertama di Jawatankuasa KPT. Bagaimanapun, keputusan penawaran program baharu tersebut ditangguhkan.

Kronologi Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Sosial (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Kepujian) adalah seperti berikut:

1) Kelulusan MQA

1.1 Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Keusahawanan Sosial Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia, bertarikh: 28 Mac 2013 - (MQA/PA 3121)

1.2 Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Komunikasi Media Baharu Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia, berarikh: 25 April 2013 - (MQA/PA 3120)

2) Kelulusan LOI Kementerian Pengajian Tinggi pada 23 Julai 2013.

3) Peringkat Universiti bagi kelulusan penubuhan pusat pengajian

3.1 Mesyuarat EXCO Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan bertarikh 8 November 2012.

3.2 Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Akademik bertarikh 23 Januari 2013.

3.3 Mesyuarat Senat Universiti bertarikh 27 Februari 2013.

3.4 Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti bertarikh 25 Februari 2013.

3.5 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-40 Bil. 2/2013 bertarikh 22 Mei 2013.

“ Kesimpulannya, bengkel pemurniaan penawaran program baharu itu berjaya mencapai objektif iaitu menyediakan dan menambah baik dokumen tambahan bagi tujuan pembentangan kali kedua. ”

MINGGU SUAI KENAL PELAJAR

Oleh: Suzana Sulaiman

Pada 1 September 2013 Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) telah menyertai pameran minggu suai kenal pelajar bagi kemasukan sidang akademik 2013/2014 bertempat di Kampus Tetap UniMAP, Pauh. Pelbagai jabatan, pusat pengajian dan badan beruniform serta kelab dari Pusat Ko-Kurikulum menyertai pameran yang berlangsung. Pameran ini diserikan dengan kehadiran Canselor Universiti Malaysia Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Bagi memeriahkan suasana minggu suai kenal pelajar, PTKPI mengadakan kuiz bagi tetamu-tetamu yang berkunjung ke pameran ini. Soalan kuiz ialah berkaitan sejarah ringkas PTKPI. Bagi menjawab soalan kuiz, pengunjung harus melewati setiap bahagian pameran PTKPI. Oleh itu, pengunjung akan memperolehi pelbagai informasi berkaitan Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan selain mendapat cenderahati setelah selesai menjawab dengan betul soalan-soalan kuiz berkenaan.



PENILAIAN STAF BARU PTKPI

Oleh: Ruhil Amal Razali

Penekanan kepada aspek penambahbaikan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) telah jelas dinyatakan melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang kini berada pada Fasa 2 (2011 – 2015): Peningkatan dan Pemerksaan. Sehubungan itu, Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) menyahut seruan ini dan telah menjalankan audit akademik pada 17 julai 2013 yang bertempat di Bilik Mesyuarat Blok A PTKPI bagi pensyarah-pensyarah baru sebelum mereka memulakan sesi pengajaran mereka di kelas sebenar kelak.

Audit ini juga dilakukan sebagai salah satu kaedah pemantauan untuk pensyarah-pensyarah baru dalam memastikan teknik pengajaran mereka berkualiti. Antara pensyarah baru yang terlibat pada sesi ini adalah Cik Nur Salimah Alias, Cik Mastura Mohamed, Cik Adila Ismail, Cik Nur Azila Azahari, Cik Wan Ashiqin Wan Ali, En Ruhil Amal Razali dan En. Edzam Armin Abdul Rahim. Setiap seorang pensyarah telah diperuntukkan selama 10-15 minit untuk melakukan pembentangan dan pengajaran seperti mana yang dilakukan di dalam kelas. Tajuk pengajaran adalah mengikut kepakaran dan keselesaan pensyarah yang akan dinilai. Antara panel penilai yang dilantik dan hadir adalah Dr. Noriah Mohamed dan Prof. Madya Dr. Azizan Bahari. Turut sama hadir mempengerusikan sesi audit adalah Timbalan Dekan Akademik, Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar.

Pada keseluruhan audit yang telah selesai dijalankan, rata-rata pensyarah telah mendapat komen yang positif daripada ahli panel penilai dengan beberapa komen yang membina. Diharapkan sesi seperti ini dapat diteruskan demi untuk menjaga kualiti dan mendapat bimbingan selain berkongsi kaedah pengajaran berkesan daripada pensyarah-pensyarah berpengalaman.



JAMUAN HARI RAYA

AIDILFITRI PTKPI 2013

Oleh: Suzana Sulaiman

Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) telah mengadakan jamuan sempena Hari Raya Aidilfitri pada 27 Ogos 2013 bersamaan dengan 20 Syawal 1434. Penyediaan jamuan ini dilakukan secara bergotong-royong yang melibatkan semua staf PTKPI bermula sejak sehari sebelum jamuan lagi. Amalan ini mampu mewujudkan sikap kerjasama berpasukan selain mengeratkan ikatan persahabatan dalam kalangan staf.

Pelbagai juadah dihidangkan hasil-hantaran semua staf PTKPI seperti kek cawan, laksam, ketupat, roti jala dan pelbagai kuih-muih. Menu utama tahun ini yang disediakan PTKPI ialah nasi tomato dan barbeku. Jamuan yang diadakan diperkarangan PTKPI ini turut dimeriahkan dengan tetamu jemputan daripada PUSPEK, Pusat Islam, Pusat Bahasa Antarabangsa, PPIPT selain tetamu jemputan utama iaitu ketua-ketua jabatan UniMAP.




PTKPI SERTAI PERTANDINGAN NASYID

Oleh: Edzham Armin Abdul Rahim

Sempena ihya Ramadhan 1434H, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengajurkan Pertandingan Nasyid antara Jabatan 2013. Sudah tentu, Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) tidak melepaskan peluang untuk turut serta dalam acara ini. Pertandingan tahunan yang dianjurkan ini mendapat sambutan yang amat mengagumkan. Setiap Jabatan telah memberikan yang terbaik dari segi nyanyian, persembahan malah pakaian yang ditonjolkan memeriahkan lagi pertandingan tersebut. Pertandingan ini dijayakan oleh 21 jabatan dan perkara ini menunjukkan komitmen yang tinggi dalam kalangan staf UniMAP. Ada diantaranya memperkenalkan hasil lagu yang ditulis sendiri dan ada juga yang menyampaikan dengan gaya yang penuh kreatif.

Kumpulan Mawaddah daripada PTKPI merupakan kumpulan yang pertama terpilih untuk menyampaikan persembahan dalam pertandingan tersebut dengan memperkenalkan persembahan yang menarik dan bersemangat. Lagu yang dipetik dari OST "Annisa" yang berjudul "Padamu Aku Bersujud" nyanyian Afgan telah disampaikan dengan penuh penghayatan oleh semua ahli kumpulan. Perkara ini sekaligus menunjukkan hasil komitmen yang diberikan oleh semua ahli sepanjang latihan yang diadakan. Walau bagaimanapun, saingan yang sengit diberikan oleh jabatan lain membuatkan PTKPI jatuh ke tangga ke-10 dalam keseluruhan. Namun, apa yang pasti PTKPI akan memberikan saingan yang lebih sihat pada tahun hadapan bagi mendapatkan tempat yang lebih baik.



KERAIAN STAF PTKPI

Oleh: Ruhil Amal Razali

Pada tanggal 1 Ogos 2013 bersamaan 23 Ramadhan 1434 telah diadakan majlis berbuka puasa PTKPI di Pizza Hut Kangar. Majlis ini kebetulannya adalah sebaik sahaja Kumpulan Mawaddah mempersembahkan nasyid dalam pertandingan Nasyid antara Jabatan UniMAP pada sebelah pagi. Kedudukan yang diperolehi oleh kumpulan ini adalah tangga ke-10 daripada 21 kumpulan yang bertanding. Jadi, walau apapun nombornya, keraian tetap akan diteruskan. Antara yang terlibat menjayakan majlis berbuka ini adalah sebahagian daripada staf dan ahli keluarga yang sempat meluangkan masa.

Tujuan utama tidak lain adalah untuk mengeratkan hubungan sesama staf PTKPI dan beramah mesra bersama ahli keluarga staf di samping mengetahui tabiat makan rakan-rakan sekera. Mungkin kerana makanan ini dikatakan paling popular di seantero dunia, maka Pizza Hut di pilih untuk menjadi santapan berbuka puasa.

Antara menu yang menjadi pilihan antaranya adalah Pizza Super Supreme, Hawaiian Supreme, Island Supreme, Chicken Supreme, Creamy Carbonara, Chicken Meatball Bolognaise, Garlic bread, Mushroom Soup dan Chicken Wings. Sedikit fakta mengenai pizza: sekeping pizza (Super Supreme) yang dimakan bersamaan dengan 831.7kcal (Pizza Hut Nutritional information, 12 June 2013).

Pada waktu berbuka puasa, ada yang makan sampai tiga keping, mungkin empat. Jadi, $831.7\text{kcal} \times 3 \text{ keping} = 2493\text{kcal}$. Jumlah ini belum lagi dikira dengan makanan-makanan sampingan lain dan air minuman bergas yang dihidangkan. Pada hemah saya, mungkin majlis berbuka puasa pada hari itu purata adalah melebihi 3000kcal/orang dimasukkan ke dalam badan. Dalam erti kata lain..KEKENYANGAN.



ATLET PTKPI SERTAI SUKANUN TENIS CAMPURAN

Oleh: Ruhil Amal Razali

Kejohanan Sukan Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia Kali Ke-8 2013 (SUKANUN) telah diadakan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Acara tenis campuran telah dijadualkan pada 26-30 Jun 2013.

Lapan institusi telah menyertai acara tenis campuran dan UniMAP berada dikumpulan ‘maut’ apabila diundi bersama MBPJ yang sebelum ini telah menjuarai acara ini pada edisi yang lepas. Kejohanan dwi-tahunan edisi yang lepas diadakan di Terengganu (2011), sebelumnya Langkawi (2009) dan kesemuanya dijuarai oleh MBPJ. Jadi, perkataan ‘maut’ yang dinyatakan sebelum ini agak sesuai di berikan kerana wujudnya juara bertahan disitu. Salah seorang peserta yang mewakili UniMAP adalah Ruhil Amal Razali dari PTKPI.

Pada hari Rabu, 26 Jun 2013, telah dijadualkan perlawan pertama UniMAP. Perlawan pertama ini di lalui dengan tenang dan penuh keyakinan apabila bertemu dengan pasukan BSN. Perseorangan pertama telah dimenangi oleh UniMAP, kalah untuk bergu veteran dan kembali mendahului apabila Ruhil Amal Razali berpasangan dengan Jawariah Nordin untuk bergu campuran. Kedudukan 2-1 pada ketika itu menampakkan sinar harapan untuk memenangi perlawan menentang BSN. Namun, apakan daya, rezeki tidak menyebelahi pasukan UniMAP apabila bergu wanita dan bergu lelaki kecundang bermaruah. Maka, UniMAP secara rasminya telah tewas dengan kedudukan 3-2.

SUKANUN

Pada perlawanan kedua, UniMAP bertemu UKM. Dendam kekalahan pada BSN terbalas apabila UniMAP berjaya mengalahkan UKM dengan mata 4-1. Ruhil Amal Razali kali ini telah bergandingan dengan Ahmad Faizal Mansor untuk menewaskan bergu lawan dalam acara bergu terbuka. Satu mata ihsan diperolehi UKM daripada bergu veteran UniMAP. Apabila bertemu MBPJ di perlawanan ketiga, UniMAP memerlukan pertolongan UKM atas jasa mata ihsan yang diberi untuk menewaskan BSN manakala UniMAP perlu “mencuri” kemenangan di tiga perlawanan menentang MBPJ. Mencapai kemenangan dengan MBPJ nampaknya merupakan satu ‘mission impossible’ dengan barisan pemain mereka yang hampir keseluruhan terdiri daripada bekas pemain negara. Hasrat untuk UKM memenangi perlawanan tidak tercapai dan hasrat untuk “mencuri” kemenangan juga tidak berhasil. MBPJ telah memenangi tiga perlawanan pertama dan mereka tidak perlu lagi bermain untuk dua lagi baki perlawanan menentang UniMAP. Dengan kekalahan yang telah dicipta itu, berakhirlah misi pasukan tenis UniMAP untuk sekurang-kurangnya mendapat tempat ke separuh akhir dan harapan kilauan pingat tidak kesampaian pada edisi kejohanan kali ke-8 ini.

Diharapkan pasukan tenis UniMAP terus berusaha untuk membawa pulang pingat di kejohanan akan datang. Pepatah Melayu ada menyebut, ‘yang pipih tidak datang melayang, yang bulat tidak datang bergolek’. Tidak semua diusahakan akan mencapai kejayaan seperti diharapkan. Manusia hanya berusaha dan merancang, Allah S.W.T. yang menentukan.

PROGRAM SOLAT JUMAAT


BERSAMA MASYARAKAT

Oleh: Nur Salimah Binti Alias

"Perumpamaan orang-orang yang beriman apabila saling cinta-mencintai, saling sayang-menayangi dan saling kasihan-mengasihani adalah seperti satu tubuh. Yang mana apabila ada salah satu anggota tubuh yang mengadu kesakitan, maka anggota-anggota tubuh yang lain ikut merasakannya, iaitu tidak boleh tidur dan merasa demam". Begitulah riwayat hadis Al-Bukhari & Muslim yang memberi seribu makna terhadap kepentingan persaudaraan sesama muslim.

Justeru, pada bulan Ramadan yang mulia lalu, Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) dengan kerjasama Pusat Islam telah diberi satu peluang untuk mewakili UniMAP menganjurkan program solat jumaat bersama masyarakat negeri Perlis. Sudah pastinya program seperti ini dianjurkan bertujuan bagi mengeratkan silaturrahim sesama umat Islam amnya selain di antara pihak UniMAP dan masyarakat setempat khususnya.

Program telah berlangsung pada 2 Ogos 2013 bersamaan 24 Ramadhan 1434 di Masjid Padang Katong, Kangar. Sebelum aktiviti solat jumaat secara berjemaah, pemeriksaan kesihatan percuma turut disediakan khas untuk masyarakat setempat Masjid Padang Katong. Majlis telah dipengerusikan oleh wakil PTKPI, Encik Mohd Azri Mohd Nasaruddin serta turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UniMAP, YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin untuk merasmikan majlis seterusnya memberi sumbangan kepada pihak masjid yang membentuk wang sumbangan sebanyak RM 1150, tujuh naskhah Al-Quran dan kurma. Diharapkan dengan sumbangan yang kecil tersebut dapat membantu pihak masjid menampung kekurangan yang mereka hadapi serta menjadi bekalan akhirat untuk pihak UniMAP itu sendiri. Manakala, sebagai pengajur program tersebut, PTKPI berharap agar program seumpama itu diadakan berterusan supaya ikatan yang terbina dapat diperkuahkan lagi dan tidak luput ditelan masa.



KERINDUANKU

NUKILAN : SUZANA SULAIMAN

Berikan aku sekeping kertas

Biar ku lukis

Biar ku lakar

Biarku warnai

Sebuah kisah

Sebuah kerinduan

Sebuah penantian

Ketika subuh meniup permulaan pagi

Dingin bayu mula menghembus

Kepulan kabus-kabus berarak sepi

Daun-daun menitiskan butiran embun

Bagai kilauan baiduri tika sinar suria mula mencerah

Kelopak-kelopak mawar yang kian berkembang

Haruman yang mula mekar di celahan kelopak itu

Membangkitkan kerinduan yang panjang

Dari celahan pohon-pohon rendang

Kicauan burung mula bergempita

Umpama tiupan buluh perindu

Disulami tiupan seruling yang sungguh mengasyikkan

Disambar hembusan pawana membelai pipi

Membawaku pergi jauh teringatkan desa tercinta

Kerinduan yang kian menggebu

Kerinduan yang kian mengharum

Kerinduan yang kian mencakar jiwa

Kerinduan yang sentiasa kunantikan

Helaian Tajuk Sahih Al-Bukhari

Al-Imam Al-Hafiz Amirul Mu'minin fil Hadis Bukhari, atau nama sebenar beliau Abu Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin Al-Mughirah Al-Bukhari Al-Khartanki, merupakan seorang imam yang tidak asing lagi di dunia Islam, dan sumbangan beliau di dalam memelihara sumber perundangan kedua di dalam Islam, iaitu hadis nabi merupakan antara sumbangan terbesar yang pernah disaksikan masyarakat Islam, iaitu pembukuan himpunan hadis-hadis yang sahih dari Rasulullah saw. Buku beliau diangkat sebagai buku kedua darjat kesahihahannya setelah Al-Quran itu sendiri.

Walaupun secara amnya buku beliau dikenali sebagai Sahih Al-Bukhari, ini bukanlah nama sebenar buku karangan beliau. Daripada tajuknya yang asal sahaja, terdapat beberapa perkara yang boleh kita pelajari dalam menambahkan ilmu kita. Inilah yang ingin dikongsi bersama oleh penulis pada kali ini, insyaAllah. Tajuk asal buku karangan beliau ialah "Al-Jaami'ul Musnad Al-Sahih Al-Mukhtasar Min Umuuri Rasulillah sallallahu 'alaihi wasallam Was Sunanihi Wa Ayyaamih". Penulis akan menghuraikan setiap perkataan di dalam tajuk buku ini.

1) Al-Jaami'

Bererti 'himpunan'. Al-Jaami' melambangkan salah satu jenis cara pengumpulan hadis daripada beberapa cara yang lain, di antaranya Muwatta', Musnad, Sunan, Mustadrak dan lain-lain. Adapun Al-Jaami' itu sendiri, di dalam istilah kefahaman ahli hadis, ialah buku hadis yang dihimpunkan hadis-hadisnya mengikut tema atau perihal yang dibicarakan oleh hadis tersebut. Umpamanya hadis-hadis yang berkaitan solat dikumpulkan di bawah "kitab solat", hadis-hadis puasa di dalam "kitab as-saum", hadis-hadis sirah di dalam "kitab as-sirah" dan seterusnya. Apabila disebut Al-Jaami', maka secara automatik difahami ahli hadis buku yang sekurang-kurangnya mempunyai kitab iman, kitab solat, kitab puasa, kitab sirah, kitab hari akhirat, kitab akhlak dan kitab fitan (khabar masa hadapan). Sahih Al-Bukhari mempunyai kesemua jenis kitab yang disebut, bahkan lebih lagi, maka kerana ini Imam Al-Bukhari menamakan bukunya sebagai Al-Jaami'.

2) Al-Musnad

Pada dasarnya perkataan musnad itu mempunyai tiga maksud:- i) 'yang disandarkan pada sanad', atau dengan kata lainnya, hadis. Maka musnad itu merupakan nama panggilan lain bagi hadis.

ii) salah satu jenis kitab hadis, iaitu kitab yang mengumpulkan hadis mengikut periyawat sahabat, seperti yang dilakukan Imam Ahmad ibnu Hanbal rahimahullah. Sebagai contoh, beliau mengumpulkan kesemua hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah ra secara keseluruhan, tanpa mengambil kira tema atau persoalan hadis tersebut. Begitu juga beliau mengumpulkan kesemua hadis yang diriwayatkan Umar ra di bawah satu tajuk, tanpa mengambil kira topik perbincangan hadis, dan begitulah seterusnya.

iii) musnad bermaksud 'hadis yang ada disandarkan padanya sanadnya', iaitu disertakan sanad hadis (rangkaian nama periyawat hadis tersebut, dari Imam Bukhari sendiri sehingga kepadanya Rasulullah saw) bagi setiap hadis yang beliau kemukakan di dalam kitabnya. Dengan pengertian inilah yang dimaksudkan oleh Imam Bukhari apabila beliau memberikan tajuk kitab karangan beliau ini



INFO TENTANG SAHIH AL-BUKHARI

Oleh: Azizah Abdullah



Maka kita lihat bahawa setiap satu hadis yang dibawakan Imam Bukhari rahimahullah telah disertakan bersama-sama sanadnya.

Sebagai contoh bagi memudahkan kefahaman kita: Berkata Al-Bukhari di dalam kitabnya, “telah disampaikan hadis kepada kami (iaitu Imam Bukhari dan rakan-rakannya) oleh Al-Humaidiy Abdulllah bin Zubair, dia (Al-Humaidiy) berkata: “telah disampaikan hadis kepada kami oleh Sufyan, dia (Sufyan) berkata: “telah disampaikan hadis kepada kami oleh Yahya bin Sa’id Al-Ansaari, dia (Yahya) berkata: “Telah dikhabarkan kepadaku oleh Muhammad bin Ibrahim At-Taimiy, bahawa sesungguhnya dia (Muhammad bin Ibrahim) telah mendengar ‘Alqamah bin Waqqas Al-Laisiy berkata: aku telah mendengar Umar bin Al-Khattab ra di atas minbar seraya berkata: “aku mendengar Rasulullah saw bersabda: “setiap amalan itu dimulakan dengan niat”.

Dari perkataan “berkata Al-Bukhari” sehingga ke perkataan “aku mendengar Rasulullah saw bersabda”, itulah yang kita namakan sebagai sanad hadis, iaitu penyeputan nama-nama periyat hadis tersebut dari Al-Bukhari sendiri, sehingga kepada Rasulullah saw. Adapun dari perkataan “setiap amalan itu dimulakan dengan niat”, itulah yang kita namakan sebagai matan hadis, iaitu lafadz hadis itu sendiri. Dengan kata lainnya, setiap hadis akan terbahagi kepada dua, iaitu sanad, dan matan.

3) As-Sahih

Iaitu di dalam bukunya ini, Imam Al-Bukhari hanya mengumpulkan hadis-hadis yang sahih sahaja, tiada di dalamnya hadis yang lebih rendah darjatnya dari sahih, samada hasan (masih diguna pakai, cuma darjatnya lebih rendah dari sahih), lemah ataupun palsu.

4) Al-Mukhtasar

Al-Mukhtasar ertiannya ‘ringkasan’, dan yang dimaksudkan dengan ringkasan di sini ialah bukunya tidak mengumpulkan kesemua hadis dari Rasulullah saw, bahkan cuma sebahagian sahaja. Maka tidaklah boleh kita katakan bahawa kesemua hadis yang sahih telah dikumpulkan oleh Imam Bukhari, dan tiada lagi hadis yang sahih selain dari yang ada di dalam sahih Bukhari. Perkara ini juga diperakui oleh Imam Bukhari sendiri.

5) Min Umuuri Rasulillah saw

Bermaksud ‘dari perihal baginda Rasulullah saw’. Dimaksudkan oleh Imam Bukhari di sini ialah bukunya ini hanya mengumpulkan hadis-hadis yang disandarkan kepada Muhammad Rasulullah saw seorang sahaja. Adapun perihal yang selain dari perihal rasul, sama ada fatwa dan kata-kata pandangan peribadi para sahabat baginda saw, fatwa ulama’-ulama’ selepas para sahabat, fatwa para imam fekah Abu Hanifah, Malik, Syafi’e dan Ahmad Hanbal dan selainnya, tidak dimasukkan ke dalam bukunya ini.

6) Sunanihi

Sunan di sini bermaksud sunnah, atau hadis-hadis Rasulullah saw yang bersangkutan dengan hal-hal fekah, seperti solat, puasa, zakat, pernikahan, penceraian, sedekah, haji, umrah, bersuci, wudu’ dan seterusnya.

7) Ayyaamih

Ayyaamih, atau ‘hari-harinya’, bermaksud sirah kehidupan Rasulullah saw, bermaksud di dalam bukunya juga terhimpun hadis-hadis selain hadis-hadis yang bersangkutan dengan hal-hal fekah, seperti sirah kehidupan Rasulullah saw, sifat peribadinya, kisah kehidupannya, peperangan yang disertainya, hijrahnya dan seterusnya.

Kesimpulannya, daripada tajuk yang diberikan oleh Imam Bukhari sahaja, terdapat banyak perkara yang boleh kita pelajari, dan secara langsung memberikan kita gambaran yang lengkap dan komprehensif berkenaan buku hadis karangan Imam Bukhari ini.

Demikian sahaja kali ini, moga dapat dimanfaatkan bersama. Wassalam.

NIKAH TAHLIL

Oleh: Amani Ali



Apabila seseorang suami menceraikan isterinya dengan talak tiga, dia dilarang menikahi bekas isterinya sehingga isterinya menikahi lelaki lain. Apabila lelaki yang baru dinikahi itu menceraikan isterinya itu, barulah mantan suaminya boleh menikahinya semula. Seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 232 yang bermaksud:

“Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu habis iddahnya, maka janganlah kamu (para wali) menghalangi mereka kahwin lagi dengan bakal suaminya, apabila telah terdapat kerelaan di antara mereka dengan cara yang ma'ruf. Itulah yang dinasihatkan kepada orang-orang yang beriman di antara kamu kepada Allah dan hari akhir. Itu lebih baik bagimu dan lebih suci. Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.”

Diriwayat dari Abdullah bin Mas’ud r.a, bahawa Rasulullah S.A.W. melaknat *muhalil*, iaitu orang yang menikahi wanita dengan tujuan menghalalkan wanita itu bagi suaminya yang telah menjatuhkan talak tiga ke atasnya dan juga melaknat *muhalal lahu*, iaitu seorang suami yang telah mentalak tiga isterinya lalu menyuruh orang lain menikahinya dengan tujuan menghalalkan semula bagi dirinya.

Wanita yang telah ditalak tiga tidak halal bagi suami yang telah mentalaqnya hingga ia menikah dengan laki-laki lain dan menyetubuhinya. Hubungan nikah yang disertai hasrat berahi. Jika kemudian laki-laki itu mentalaqnya barulah ia halal dinikahi oleh mantan suami pertamanya tadi. Jika laki-laki itu tetap mempertahankannya (tidak mentalaqnya), maka tidak halal bagi suami pertamanya tadi untuk menuntut agar laki-laki itu menceraikan mantan isterinya.

PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

RINGKASAN PENCAPAIAN

| BIL. | PERKARA | 2013 | JUMLAH |
|------|--------------------------|---|---------------|
| 1. | GERAN PENYELIDIKAN | DALAM (RM 34,000.00)
ANTARABANGSA (485,585.00) | RM 519,585.00 |
| 2. | PROSIDING KERTAS KERJA | ANTARABANGSA (9)
DAN KEBANGSAAN (3) | 12 |
| 3. | JURNAL | KEBANGSAAN (7)
ANTARABANGSA (6) | 13 |
| 4. | BUKU | 32 | 32 |
| 5. | ARTIKEL | 1 | 1 |
| 6. | PENYERTAAN DALAM PAMERAN | 3 | 3 |

GERAN PENYELIDIKAN LUAR

| BIL | AGENSI GERAN | NAMA GERAN | TAJUK PENYELIDIKAN | NAMA KETUA PENYELIDIK & NAMA PENYELIDIK | JUMLAH DIPOHON (RM) |
|---------------|--------------|--|--|---|---------------------|
| 1. | MTUN | Centre of Excellence on Renewable Energy | Social and Economy Impact on Renewable Energy | Dr. Mohd Mizan Aslam
Dr. Shuhairimi Abdullah
Dr. Nursalasawati | 200,000.00 |
| 2. | KPT | Ergs 9010-00026 | Psikologi Kebahagiaan: Penerokaan Konsep dan Pembentukan Indeks Kebahagiaan Daripada Sudut Pandangan Pengalaman OKU di Malaysia. | Prof.Dr.Rosnah Ismail
1.Ferlis Bullare@Hj.Bahari
2.Prof.Dr.Vincent Pang
3.Prof.Madya Dr. Chua Bee Seok
4.Jasmine Adela Mutang
5.Prof. Dr.Salleh Abdul Rashid
6.Adila Ismail
7.Sarah Mohammad Iqbal | 85,585.00 |
| 3. | MOSTI/KPT | FRGS | Mengukuhkan Kecemerlangan Individu Akademik Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia | Salleh Abd Rashid & Rezuwan Kamaruddin | 200,000.00 |
| JUMLAH | | | | | 485,585.00 |

GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN

| BIL | NAMA GERAN | TAJUK PENYELIDIKAN | NAMA KETUA PENYELIDIK & NAMA PENYELIDIK | JUMLAH DIPOHON (RM) |
|------------------|----------------------------------|---|--|---------------------|
| 1. | Geran Khas | Impak Kursus TITAS dan Hubungan Etnik dalam Pemebentukan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di UniMAP | Shuhairimi Abdullah
Maskor Baijuri | 12,000.00 |
| 2. | Geran Khas | Persepsi Pelajar Terhadap Doktrin Radikal dan Ekstrem di Institusi Pengajian Tinggi; Kajian Kes | Dr. Mohd Mizan Aslam
Abdul Jalil Ramli
Shuhairimi Abdullah
Mohd Izmer Yusof
Juliana Ahmad
Junainor Hassan
Maskor Baijuri | 15,000.00 |
| 3. | Geran Penyelidikan Jangka Pendek | Pengaruh Budaya dan Bahasa Terhadap Pola Tingkah Laku dalam Pergaulan Pelajar Pelbagai Etnik | Suzana Sulaiman | 7,000.00 |
| JUMLAH | | | | |
| 34,000.00 | | | | |

PROSIDING & PENERBITAN

PROSIDING PERINGKAT ANTARABANGSA

| BIL. | NAMA PENULIS | TAJUK PAPER | NAMA PERSIDANGAN | TEMPAT/ TARIKH |
|------|---|---|---|---|
| 1. | Omar Yusoff (USM)
Noriah Mohamed (USM),
Abdul Jalil Ramli(UniMAP),
Zainab Ahmad (IPG Perlis) | Pemikiran dan Falsafah Adat Resam
Perkahwinan Jawi Peranakan Pulau
Pinang | Seminar Internasional Pemikiran dan Falsafah
Nusantara
(Indonesia, Malaysia, Thailand)
Universitas Muhammadiyah Makassar (Unismuh) | Universitas
Muhammadiyah
Makassar, Indonesia/
25-30 April 2013 |
| 2. | Suzana Sulaiman | Perpaduan Pelajar Pelbagai Etnik:
Kehidupan Seharian Pelajar Program
Diploma Tahun Dua, Sesi Pengajian
2012/2013, Universiti Malaysia Perlis. | International Conference on Social Sciences
Research 2013 (ICSSR 2013) | Pulau Pinang/
4-5 Jun 2013 |
| 3. | Salleh Abd Rashid, Israh Ariffin | Kajian awal Pendekatan 3M (Muzik-Mental-Movement) membina Keyakinan Diri, Prestasi dan Kreativiti Pergerakan Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Asas Pergerakan. | International Sports Science Conference | UMS Kota Kinabalu/
24-26 jun 2013 |
| 4. | Amani Ali | Growth, Justice And Stability From An Islamic Perspective | The Ninth International Conference On Islamic Economics And Finance (Icief) | Istanbul/
September 2013 |
| 5. | Suzana Sulaiman | Perpaduan Pelajar Pelbagai Etnik Melalui Penggunaan Teknologi dalam Kegiatan Pembelajaran | 7th International Malaysian Educational Technology Convention | Bandung, Indonesia/
16-18 September 2013 |
| 6. | Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar | Investigating The Emergence Themes of Cyberbullying Phenomenon: A Grounded Theory Approach | 63rd Annual Conference International Council for International Media.
(Abstract accepted, full paper being perused) | Nanyang Technological University, Singapura/
1-4 Oktober 2013 |
| 7. | Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar | Investigating The Coping Strategies in Cyberbullying: A Grounded Theory Approach. | Conference on Youth (ICYOUTH 2011 International 3):
"Engaging Youth for Nation Building" | Mines Wellness Hotel Sri Kembangan, Selangor/
28-31 Oktober 2013 |
| 8. | Nur Salimah Alias | Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Koperatif | The 4th International Conference on Public Policy and Social Sciences (IcoPS) 2013 | Kota Kinabalu, Sabah/
7-8 Disember 2013 |
| 9. | Suzana Sulaiman | Tahap Hubungan Etnik Melalui Kegiatan Pembelajaran Pelajar | The 4th International Conference on Public Policy and Social Sciences (IcoPS) 2013 | Kota Kinabalu, Sabah/
7-8 Disember 2013 |

PROSIDING PERINGKAT KEBANGSAAN

| BIL | NAMA PENULIS | TAJUK PAPER | NAMA PERSIDANGAN | TEMPAT/ TARIKH |
|-----|---|---|--|--|
| 1. | Shuhairimi Abdullah | Kepentingan Pembugaran Nilai-Nilai Murni dalam Pengajaran Sejarah. Satu Wacana Daripada Perspektif Sosial | Seminar Kebangsaan Pendidikan Sejarah dan Geografi | UMS/
September 2013 |
| 2. | Shuhairimi Abdullah | Relevansi Instituti Raja-Raja Melayu di Malaysia. Satu Soroton Menurut Perlembagaan Persekutuan | SIRAJ | Kuala Lumpur/ Jun 2013 |
| 3. | Kamarudin Hussin, Salleh Abd Rashid, Ahmad Fahmi Mahamood, Isma Irnie Shafie. | Profesionalisme SisPA Menjana Sukarelawan Negara | Seminar Kebangsaan Kor SisPA IPT ke-2 | UniKL-MIAT Kuala Lumpur/
24-26 Mei 2013 |

JURNAL ANTARABANGSA

| BIL | NAMA PENULIS | TAJUK PAPER | VOL/PAGE | TAHUN | NAMA JURNAL |
|-----|--|--|-----------------|-----------|--|
| 1. | Shuhairimi abdullah | The Characteristics of Successful Entrepreneurs From Islamic Perspective | Vol. 3. Issue 6 | 2013 | Journal of Islamic and Human Advanced Research (JIHAR) |
| 2. | Shuhairimi Abdullah | Memperkasakan Pembangunan Insan Melalui Amalan Infaq | Vol. (6) 1 | 2013 | Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan |
| 3. | Shuhairimi Abdullah | Pure Values Among Entrepreneurs: A Study on Successful Entrepreneurs of Perlis MARA | Vol. 4. No. 3 | 2013 | International Journal of Business and Social Science |
| 4. | Amani ali | دراسة حول زواج الميسار وأسباب انتشاره في العالم العربي ومالزيها | Vol. 3. No. 2 | Feb. 2013 | Journal of Islamic and Human Advanced Research |
| 5. | Hanif Suhairi Abu Bakar | The Paradigm Model of Cyberbullying Phenomenon . (Waiting for publication) | Vol 1 | 2013 | Global Science and Technology Forum (GSTF) Journal on Media and Communications |
| 6. | Ina Suryani, Aizan Yaacob, Noor hashima, Salleh Abd Rashid, Hazry Desa | Research Publication Output by Academicians in Public and Private Universities in Malaysia | Vol.2 No.1, | 2013 | International Journal of Higher Education |

PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

JURNAL KEBANGSAAN

| BIL | NAMA PENULIS | NAMA JURNAL | TAJUK PAPER | VOL/PAGE | TAHUN |
|-----|--|---|--|-----------------|-------|
| 1. | Amran Hassan
Dr. Noriah Mohamed
Zubaidah Rasol | Jurnal Pusat Teknologi dan Pembangunan Insan JOHDEC | Perasaan Kesunyian (loneliness) dan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Warga Emas yang Menghuni di Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor. (Dalam Proses) | 2 | 2013 |
| 2. | Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar | Jurnal Pusat Teknologi dan Pembangunan Insan (JoHDEC) | Investigating the Antecedents of Cyberbullying. (Dalam Proses) | 2 | 2013 |
| 3. | Junainor Hassan dan Hassad Hassan | Jurnal Pusat Teknologi dan Pembangunan Insan (JoHDEC) | Kajian Gaya Pembelajaran di antara Budaya (Dalam Proses) | 2 | 2013 |
| 4. | Siti Norayu Mohd Basir | Jurnal Pusat Teknologi dan Pembangunan Insan (JoHDEC) | Perbezaan Personaliti Psiko-Spiritual dalam Kalangan pelajar Sekolah Menengah di Semenanjung Malaysia. (Dalam Proses) | 2 | 2013 |
| 5. | Suzana Sulaiman | Journal of Human Development and Communication (JoHDEC) | Tahap Hubungan Etnik: Kehidupan Seharian Pelajar Program Diploma Tahun Dua, Sesi Pengajian 2012/2013, Universiti Malaysia Perlis. (Dalam Proses) | 2 | 2013 |
| 6. | Hanum Hassan, Razli Ahmad dan Azuddin | Journal of Human Development and Communication (JoHDEC) | Kajian Kesedaran Masyarakat Terhadap Peranan Dan Peluang Dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Ncer). (Dalam Proses) | 2 | 2013 |
| 7. | Abdul Jalil Ramli dan Sohaimi Abdul Aziz | Universiti Sains Malaysia | Nyai dalam Masyarakat Patriarkal dan Kolonial : Satu Kajian Subaltern Terhadap Novel Bumi Manusia. | -(Dalam proses) | 2013 |

BUKU/BAB DALAM BUKU/DIGES

| BIL. | NAMA PENULIS | TAJUK BUKU/ARTIKEL | PENERBIT | TAHUN | JENIS |
|------|---|---|------------------------------|---------------------|--------------------|
| 1. | Shuhairimi Abdullah dan Nurul Syazwani Zulkifli (ed.) | Pembangunan Insan. Cabaran Kontemporari | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Buku |
| 2. | Shuhairimi Abdullah | Characteristics of a Successful Entrepreneur From Islamic Perspective | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Artikel dalam buku |
| 3. | Shuhairimi Abdullah | Criteria of a Successful Entrepreneur: A Study of Perlis Council of Trust for the People | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Artikel dalam buku |
| 4. | Shuhairimi Abdullah, Abdul Jalil Ramli dan Zainab Ahmad | Entrepreneurial Norms Within The Malay Community From Islamic Perspective | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Artikel dalam buku |
| 5. | Shuhairimi Abdullah dan Nurul Syazwani Zulkifli | Nalar Kemanusiaan. Ke Arah Kehidupan Sejahtera | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Buku |
| 6. | Azizi Abu Bakar, Noor Azeanti Mohd Nasir, Siti Norayu Basir dan Shuhairimi Abdullah | Islamic Home Financing in Malaysia an in-Depth Study Oo the Bay Bithaman Ajil.(BBA) Instrument | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Artikel dalam buku |
| 7. | Mohd Adib Abd Muin, Azizi Abu Bakar, Noriza Abd. Aziz dan Shuhairimi Abdullah | The Effect Of Islamic Work Ethics on Work Outcomes: A Case Study on Higher Education in State of Kedah | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Artikel dalam buku |
| 8. | Shuhairimi Abdullah dan Juliana Ahmad | Diges. Kearifan Pembangunan Insan. | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Buku |
| 9. | Shuhairimi Abdullah | Cerminan Personaliti Unggul Melalui Pemikiran Luhur. | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Artikel dalam buku |
| 10. | Shuhairimi Abdullah | Penaksiran Zakat Gaji dan Pendapatan: Amalan di Perlis. | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Artikel dalam buku |
| 11. | Shuhairimi Abdullah | Pencerahan Budaya Hedonisme dan Penyelesaiannya Menurut Kaedah Kerohanian | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Artikel dalam buku |
| 12. | Shuhairimi Abdullah | Tipologi Keperibadian Nilai-Nilai Murni Usahawan Berjaya. Kajian di Agensi Mara Perlis | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Buku |
| 13. | Azizah Abdullah | Hukum Merokok Menurut Islam dan Kesannya Terhadap Kesihatan | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Bab dalam Diges |
| 14. | Amani Ali dan Prof. Dr. Syokri Yoh | Isu Semasa Perkahwinan dari sudut Shariah dan Undang-undang | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Buku |
| 15. | Dr. Noriah Mohamed | Reciprocity, Physical Independence and the Support Networks of Older Women and Men in Rural Malaysia | UniMAP | 2013 (Dalam Proses) | Bab dalam Diges |
| 16. | Dr. Noriah Mohamed | Kerja Sosial: Suatu Pengenalan | QARYA Publications Sdn. Bhd. | 2013 (Dalam Proses) | Buku |
| 17. | Hanif Suhairi Abu Bakar | Exploring Cyberbullying Phenomenon (feedback from Pn Zamimi the manuscript needs to be refined – workshop will be held in June) | UniMAP | 2013 | Buku |

PROSIDING & PENERBITAN

BUKU/BAB DALAM BUKU/DIGES

| BIL. | NAMA PENULIS | TAJUK BUKU/ARTIKEL | PENERBIT | TAHUN | JENIS |
|------|--|--|----------|-------|--------------------|
| 18. | Hassad bin Hassan | The Relationship of Entrepreneurial Orientation and Car Dealers in Malaysia | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |
| 19. | Azizan Bahari, Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok dan Noriah Mohamed | Permasalahan Sosial Remaja Belia: Usaha Menanganinya Melalui Pendekatan Kerja Komuniti | UniMAP | 2013 | Artikel dalam buku |
| 20. | Salleh Abd Rashid dan Suzan Impak | Analisis Model Laluan Penyerapan Kemahiran Komunikasi dalam Pembelajaran Berasaskan Penerapan dan Pencerapan dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan | UniMAP | 2013 | Artikel dalam buku |
| 21. | Ahmad Fahmi Mahmood dan Asiah Sarji | Laman Web Suatu Prestij Atau Kemestian? Analisis Sikap dan Aplikasi Laman Web dalam Kalangan Agensi-Agenzi Pertanian di Malaysia. | UniMAP | 2013 | Artikel dalam buku |
| 22. | Siti Norayu Basir dan Azizah Abdullah | Murtad: Satu Wacana Sosial | UniMAP | 2013 | Artikel dalam buku |
| 23. | Ku Amir Ku Daud, Suzana Sulaiman dan Nor Suhaila Che Pa | Persepsi Pengguna Bukan Islam Terhadap Konsep Produk Makanan Halal | UniMAP | 2013 | Artikel dalam buku |
| 24. | Azizan Bahari | Siapakah Dan Apakah Peranan Intelektual? | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |
| 25. | Asiah Sarji dan Ismail Daut | Meningkatkan Kuantiti Pengeluaran dan Kualiti Penerbitan Ilmiah Negara: Cabaran Kepada Ilmuwan UniMAP | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |
| 26. | Hassad Hassan | Overview of Entrepreneurial Orientation and Performance of Malaysian Beverages Manufacturer in 2012 | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |
| 27. | Huzili Hussin, Izaidin Abdul Majid dan Ahmad Rozelan Yunus | Entrepreneurship Education and Training: Enterprise as Career Option for Engineering Students. | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |
| 28. | Nor Suhaila Che Pa dan Suzana Sulaiman | Kesantunan dan Cinta dalam Pantun Melayu: Menyemai Keintelektualan Pembangunan Insan | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |
| 29. | Adila Ismail dan Habee Bullah Affandy | Information Systems Outsourcing. | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |
| 30. | Siti Norayu Mohd Basir dan Junainor Hassan | Polarisasi dalam Kalangan Pelajar IPTA: Cabaran Hubungan Etnik | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |
| 31. | Junainor Hassan, Siti Norayu Mohd Basir , Hassad Hassan dan Kamalia Hashim | Level of Anxiety and Contribution Factors in Teaching Second Language | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |
| 32. | Nor Suhaila Che Pa dan Suzana Sulaiman | Akauntabiliti Akademia dalam Melestarikan Keintelektualan Pembangunan Insan | UniMAP | 2013 | Bab dalam Diges |

ARTIKEL (MAJALAH/AKHBAR/BULETIN/MAKALAH/DLL)

| BIL. | NAMA | TAJUK ARTIKEL | PENERBITAN |
|------|-----------|---------------------------|------------|
| 1. | Amani Ali | Mati Otak dan Derma Organ | UniMAP |

PENYERTAAN DALAM PAMERAN

| BIL. | NAMA | PAMERAN | ANJURAN/PERINGKAT | PINGAT |
|------|--|--|-------------------|-------------|
| 1. | Prof. Madya Dr. Zaidi Johari
Prof. Dr. Syed Alwee al-Junid Syed Junid,
Prof. Dr. Salleh Rashid, Dr. Shuhairimi
Abdullah, Nur Hidayah Ahmad Zaidi dan
Ahmad Firdaus Ahmad Zaidi | Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan
UniMAP | UniMAP | Pingat Emas |
| 2. | Dr. Hj. Huzili Hussin | Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan
UniMAP | UniMAP | Pingat Emas |
| 3. | Zainab Nazar Khalilwafi | Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan
UniMAP | UniMAP | Pingat Emas |

APA KATA PELAJAR PTKPI?

Minat yang mendalam untuk melanjutkan pengajian pada peringkat sarjana di dalam bidang keusahawanan sosial mendorong saya untuk memilih PTKPI. Sepanjang menjadi pelajar di bawah PTKPI saya telah banyak mendapat bimbingan dan dorongan dari pensyarah-pensyarah yang berwibawa bagi menjayakan kursus sarjana saya ini. Memandangkan saya mengambil kursus kajian sepenuh masa, saya memerlukan banyak contoh-contoh kajian dan maklumat-maklumat yang penting serta panduan daripada penyelia saya iaitu salah seorang pensyarah di bawah PTKPI.

Saya amat berpuas hati dengan sokongan yang diberikan kepada pelajar oleh pihak PTKPI dalam membantu menghasilkan graduan yang bermutu dan professional. Saya berharap pihak PTKPI akan terus menyumbang kepada pembangunan sumber manusia mahir, selaras dengan keperluan yang digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Malaysia sejarah dengan objektif PTKPI untuk membentuk pelajar yang berintegriti tinggi dan patriotisme.

Durar Ashikin Zulkifli

Master of Science (Social Entrepreneurship)



SETTINGGI-TINGGI TAHNIAH

Oleh : Noor Zeita Othman



NAMA STAF: DR. SHUHAIRIMI ABDULLAH
NAMA ANAK : SHURAIM SHUHAIRIMI
TARIKH LAHIR: 9 JULAI 2013
BERAT LAHIR : 3 KG



NAMA STAF: PN. NOOR ZEITA OTHMAN
NAMA ANAK: NOOR ALEESYA ZAHRA KHAIRUL AMIN
TARIKH LAHIR: 14 MEI 2013
BERAT LAHIR : 2.85 KG



NAMA STAF: EN. EDZHAM ARMIN ABDUL RAHIM
NAMA ANAK: EUSUF ARMIN EDZHAM ARMIN
TARIKH LAHIR: 14 OGOS 2013
BERAT LAHIR : 3.2 KG



NAMA STAF: EN. MASKOR BAJURI
NAMA ANAK: NURUL SOFFIYA AINI MASKOR
TARIKH LAHIR: 31 MEI 2013
BERAT LAHIR: 3.2 KG



Selamat Bertunang Kepada Pengurus Rancangan IT, Komunikasi dan Keusahawanan **Cik Adila Ismail** yang berlangsung Pada 2 Jun 2013 di Ipoh, Perak.

BUKU-BUKU TERBARU AZIZAN BAHARI

Baru-baru ini dua buah buku oleh **Prof Madya Dr. Azizan Bahari**, seorang tenaga pengajar di PTKPI telah diterbitkan oleh Pustaka Qarya. Buku-buku tersebut ialah:

1. Bekerja dengan Komuniti, dan
2. Menghargai Kehidupan.


Buku pertama, **Bekerja dengan Komuniti** (205 halaman, dengan harga RM25.00), ialah sebuah buku tentang *fundamentals* kerja komuniti. Pelbagai aspek kerja komuniti diuraikan meliputi tujuan dan matlamat kerja, mengenal komuniti, nilai dan etika kerja, model-model kerja komuniti, siapakah pekerja komuniti?, profil komuniti, penyusunan (pengorganisasian) komuniti, isu-isu dalam kerja komuniti, tenaga penggerak komuniti, rangkaian/jaringan sosial, sumber, proses pendidikan dalam kerja komuniti, penyelidikan, dan penggunaan media.

Pada ketika ini Bekerja dengan Komuniti merupakan satu-satunya teks yang komprehensif tetapi relatif ringkas dalam bahasa Melayu tentang kerja komuniti (turut mencakup pendekatan atau genre pembangunan komuniti, organisasi komuniti, kerja sosial komuniti, kenyusunan komuniti dan pendidikan komuniti) yang boleh dijadikan panduan/rujukan oleh pengamal (profesional dan sukarela) selain pelajar kerja komuniti (termasuk kerja sosial, kerja sukarela, dan keusahawanan sosial komuniti).




Buku yang kedua, **Menghargai Kehidupan** (150 halaman, RM15.00) pula sebuah himpunan catatan (*anecdotes*) tentang pelbagai hal kehidupan seperti alam dan persekitaran, pemakaian kehadiran, persahabatan, perjalanan dan kunjungan, ilmu dan intelek, pengkaryaan serta insan-insan yang berjasa. Melalui catatan-catatan pendek ini penulis mengajak pembaca bersama-sama mengimbas kembali dan merenung beberapa isu perenial dalam kehidupan kita yang sementara dan amat menarik.

Pesan untuk mendapatkan buku-buku tersebut boleh dibuat melalui e-mel kepada penulisnya (azizanbahari@unimap.edu.my)






Catatan



Autograf



TRIVIA PENUBUHAN PTKPI

2002

PTKPI ditubuhkan dan dikenali sebagai **PKKK** (Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan)

Pusat ini menyelaraskan penawaran dan tadbir urus kursus-kursus wajib dan teras universiti mencakupi bidang keusahawanan kejuruteraan, *matematik kejuruteraan*, tamadun islam dan tamadaun asia, hubungan etnik, komunikasi dan teknologi maklumat, kemahiran berfikir serta jurutera dalam masyarakat selain kursus-kursus bahasa dan Pusat Ko-kurikulum

2007

Komponen matematik kejuruteraan di pisahkan dari PKKK dengan terbentuknya PTJ komponen tersebut yang kemudian dikenali sebagai Institut Matematik Kejuruteraan (**IMK**) yang mempunyai pengkhususan dalam bidang matematik dan statistik mencakupi bidang kejuruteraan dan kemudiannya perniagaan setelah PPIPT ditubuhkan

2010

Komponen Ko-Kurikulum dipisahkan dari PKKK dan berdiri sendiri sebagai **Pusat Ko-kurikulum UniMAP**

2011

Komponen **PPIPT** (Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan) yang dicetuskan dari Program Keusahawanan Kejuruteraan dibentuk dan berpisah dari PKKK

2013

Jabatan Bahasa Antarabangsa dipisahkan dari PTKPI bagi mewujudkan PTJ sendiri dan kini dikenali sebagai Pusat Bahasa Antarabangsa (**CIL**)

TERKINI

PTKPI telah mendapat kelulusan KPT dan akan menawarkan program baru iaitu **Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu** pada kemasukan pelajar sesi 2014/2015

Dekan PTKPI

2002-2003

2003-2004

2004-2006

2006-2008

2008-2010

2010-2013

2013



Prof. Dr.
Zuraidah Mohd
Zain



Prof. Madya
Zaliman Sauli



Prof. Madya Ku
Halim Ku Arifin




Dr. Hj. Huzuli
Hussin



Prof. Madya Dr.
Hazry Desa



Prof. Dr. Salleh
Abd. Rasyid



Dr. Hj. Huzuli
Hussin